

ORIENTASI NILAI DALAM PEMILIHAN KERJAYA
DI KALANGAN REMAJA

AWANG B. HJ. AHMAD



109156

109156

ITI UTARA MALAYSIA
1998

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara orientasi nilai dengan pemilihan kerjaya di kalangan remaja bandar dan luar bandar. Seramai 126 orang remaja dari daerah Alor Setar, Pendang dan Padang Terap, Kedah Darul Aman telah dipilih sebagai sampel kajian. Teori Orientasi Nilai Kluckhohn dan Strodtbeck (1961) dan Teori Pemilihan Kerjaya Ginzberg (1951) telah digunakan sebagai asas pembinaan dua alat ukuran kajian ini iaitu Skill Variation In Value Orientation dan Rothwell-Miller Interest Blank. Data-data yang dikumpulkan itu telah dianalisis dalam bentuk deskriptif dan inferensi. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara orientasi nilai dengan pemilihan kerjaya terutamanya dari segi etnik dan tempat asal responden. Dari segi etnik, didapati remaja Melayu yang bervariasi being, lineal, masa kini dan variasi menguasai mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kerjaya pengiraan. Manakala remaja Cina yang bervariasi lineal, masa lalu, menguasai dan variasi harmoni mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kerjaya sastera. Remaja India yang bervariasi being, variasi lineal dan variasi menguasai pula mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kerjaya mekanikal dan praktikal. Dari segi tempat asal responden pula, didapati remaja bandar yang bervariasi lineal dan variasi masa lalu mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kerjaya keranian. Manakala remaja luar bandar yang bervariasi lineal, collateral, masa depan, masa kini dan variasi menguasai mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kerjaya praktikal. Oleh itu, pembolehubah bebas iaitu faktor etnik dan tempat asal responden telah memberi kesan yang nyata kepada hubungan antara orientasi nilai dengan pemilihan kerjaya.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pemilihan kerjaya adalah suatu cabaran hidup yang mesti dilalui oleh setiap individu. Ianya merupakan satu proses perkembangan yang berterusan iaitu bermula dari persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan dan kemudian diperkembangkannya hingga ke peringkat remaja dan awal dewasa (Ginzberg dan rakan-rakan, 1951). Walaupun seseorang itu akan membuat pemilihan kerjaya yang sesuai baginya tetapi lebih baik pemilihan kerjaya dilakukan lebih awal lagi terutamanya ketika berada di tahap penerokaan (Samsiah Yahaya, 1990). Dalam hal ini, Super (1957) mengatakan kerjaya merangkumi persediaan-persediaan sebelum seseorang itu menceburkan dirinya dalam dunia pekerjaan dan juga selepas ianya bersara dari sesuatu bidang kerjaya.

Pendedahan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya adalah penting kerana ianya boleh membantu remaja menerokai bidang kerjaya yang sesuai dan seterusnya dapat mengenal pasti jenis-jenis kerjaya yang ada di sekelilingnya, Roe (1956), Holland (1966) dan Super (1969) telah menyenaraikan beberapa faktor penting yang mempengaruhi pemilihan kerjaya iaitu

bakat, pencapaian akademik, latar belakang keluarga, suasana sosio-ekonomi, minat, nilai dan personaliti. Kepentingan nilai dan lain-lain trait personaliti jelas ditunjukkan oleh Holland (1973) di dalam teori pemilihan kerjayanya. Beliau menyatakan manusia boleh dibahagikan kepada enam jenis personaliti iaitu realistik, intelektual, sosial, konvensional, usaha dan seni.

Di Malaysia, projek pembangunan luar bandar kadangkala menghadapi pelbagai masalah kerana perancangan yang diatur kurang mengambil kira faktor-faktor kemanusiaan (Wan Rafaei Abdul Rahman, 1985). Rata-rata penduduk luar bandar terdiri daripada golongan yang sudah berumur. Ramai golongan muda berhijrah ke bandar kerana peluang pekerjaan di luar bandar amat terhad. Akibatnya kawasan bandar menjadi sesak dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan semakin terbatas. Nilai-nilai peribadi seseorang itu turut berubah dan seterusnya memberi kesan kepada pemilihan kerjaya yang akan diceburinya (Tolbert, 1974).

Dalam keadaan kegawatan ekonomi yang melanda negara ini sekarang, pemilihan kerjaya yang sesuai dengan nilai-nilai peribadi dan dapat menjamin masa depan merupakan masalah utama yang perlu difikirkan oleh setiap individu yang ingin menceburkan diri dalam dunia pekerjaan. Apatah lagi bilangan pekerja yang diberhentikan kerja semakin meningkat sehingga 50,000 orang terutama dalam

sektor industri kecil dan sederhana (Berita Harian, 13 Julai 1998). Berita sedih seperti ini amat membimbangkan para remaja yang sedang mencari pekerjaan. Menurut Sharp dan Marr (1971), masalah pemilihan kerjaya menjadi semakin rumit kerana ianya berkait rapat dengan masalah membuat keputusan, kekurangan maklumat dan keketatan pengetahuan tentang kerjaya yang ingin diceburinya (dalam Amir Awang, 1983).

1.2 Permasalahan Kajian

Isu yang amat ketara dihadapi oleh kebanyakan remaja dalam pemilihan kerjaya pada masa kini ialah ketiadaan maklumat atau pengetahuan yang cukup mengenai bidang pekerjaan yang hendak diceburi (Amir Awang, 1983). Malahan ada remaja merasa serabut dan kecewa kerana gagal mendapat sebarang tawaran pekerjaan setelah mencuba beberapa kali. Mereka juga kurang mendapat bimbingan sewajarnya dari kaunselor sekolah kerana rata-rata kaunselor sekolah masih lagi menggunakan alat-alat ujian yang kurang efektif semasa memberi bimbingan mengenai pemilihan kerjaya. Alat-alat ujian itu agak terhad dan menjurus kepada ujian-ujian personaliti, cita-cita, aspirasi dan jurusan pengajian yang hendak diikuti. Aspek-aspek mengenai pemilihan kerjaya kurang diberi perhatian serius kerana kebanyakan sekolah lebih mementingkan pencapaian akademik dan aktiviti kokurikulum. Kadang-kadang urusan